

ORANG MELABAU¹

Dayang Hajah Joriah binti Haji Metali

Kesultanan Melayu Brunei mengalami zaman kegemilangan pada KM XV apabila wilayah teluk rantaunya merangkumi keseluruhan Pulau Borneo dan Selatan Filipina. Pada masa itu pusat pemerintahan tertumpu di kawasan Kampong Ayer sebagaimana ditulis dalam catatan Barat dan China.

Struktur pentadbiran negara pada masa itu juga bertambah kukuh dan mantap. Pada zaman itu tanah jajahan terbahagi kepada laut dan darat. Kawasan laut dikuasai oleh 'Orang Laut' manakala di kawasan tanah kering pula dikuasai oleh 'Orang Darat.' 'Orang Darat' amat sinonim dengan gelaran 'Orang Kaya', mereka juga dikenali sebagai 'Orang Melabau.'

Menurut tradisi lisan, orang-orang Melabau terkenal sebagai keturunan yang kuat berpegang pada ugama, baik, alim serta memiliki ilmu yang diwarisi sejak turun-temurun. 'Melabau' dari segi istilah bermaksud penguasa di darat. Orang-orang Melabau pernah diberi gelaran 'Seri Laila Paduka Orang Kaya Besar' yang menjadi bukti bahawa mereka adalah orang-orang kuat istana. Sistem gelaran ini telah terbukti melalui beberapa penemuan batu nisan kepunyaan orang-orang Melabau yang menggunakan istilah 'Ibnu' dan 'Al-Marhum'. Antara orang-orang Melabau yang terkenal dan masih dikenang sehingga kini ialah Panglima Jais, Orang Kaya Besar Karim, Orang Kaya Besar Imas dan Paduka Seri Wahab.

Penyelidikan terhadap batu nisan milik orang Melabau telah dilakukan oleh Unit Takapan dan Unit Sejarah Lisan, Pusat Sejarah Brunei di Perkuburan Bukit Luba, Melabau.² Batu-batu nisan yang ada di sana



Batu nisan ini dijumpai di Tanah Perkuburan Malabau yang menyuratkan catatan: 'Ini hijrat Nabi Muhammad Sallallahu 'Alaihi wa Salam seribu tiga ratus dua puluh lapan tahun. Inilah alamat nisan kubur Seri Laila Paduka Orang Kaya Besar Osman ibnu Paduka Orang Melabau Ahad ibnu Orang Kaya Besar Karim.'

¹ Rencana ini telah diubahsuai untuk keperluan penerbitan dan sebelum ini pernah tersiar dalam *Aktif*, Bil. 56, Januari dan Bil. 57, Februari 2004.

² Terletak berdekatan dengan Pusat Persidangan antarabangsa Berakas.

diperbuat daripada kayu jenis bulian dan mempunyai tambak. Sudut atas hingga bahagian tengah nisan mengandungi ukiran bungs, di bahagian tengahnya pula terdapat bentuk bulatan yang mengandungi tulisan jawi. Menurut cerita penduduk tempatan, nisan tersebut telah lama wujud, iaitu sejak KM XVII masih lagi.

Kampung Melabau mempunyai keluasan sekitar 150 ekar yang meliputi Kampong Tungkadeh hingga ke Kampong Berakas. Sebelum ini di dalamnya terdapat beberapa bush kampung yang sudah tidak wujud lagi pada masa sekarang, seperti kampung-kampung Baduk Sijanum, Bukit Galang-Galang, Sibukak, Pulaie, Bukit Limau-Limau, Perinagan, Batu Berjuai, Bukit Bumbun, Bukit Luba dan Banduk. Terdapat dua sumber mengenai asal usul nama Melabau; pertama dikaitkan dengan nama sebatang sungai bernama Melabau yang menghubungkan Sungai Brunei dengan Sungai Tungkadeh; dan kedua, dikaitkan dengan sejenis pokok besar yang tumbuh di tepi sungai yang dinamakan Mabau yang lama-kelamaan berubah menjadi Melabau. Hasil daripada kedua-dua sumber inilah terbitnya nama Melabau.

Penempatan awal orang-orang Melabau ialah di Kampong Tungkadeh, kemudian merebak ke kawasan Tapak Kuda³ sehingga bertaburan mendiami kampung-kampung yang termasuk dalam kawasan Melabau. Menurut cerita orang tua-tua, mereka (orang Melabau) mempunyai hubungan kekeluargaan dengan Pengiran Muda Besar Abdullah @Abdul Kahar ibnu Sultan Abdul Jalilul Akbar ibnu Sultan Muhammad Hasan, melalui putera sulung baginda iaitu Pengiran Anak Jamaluddin yang mlarikan diri dari Pulau Labuan ke Melabau pada KM XVII. Begitu juga dengan Seri Laila Paduka Orang Kaya Besar Imas, iaitu putera Pengiran Muda Besar Abdullah melalui isterinya yang merupakan orang darat bernama Siti Ambong binti Abdul Rahman.

Sejarah awal perpindahan Pengiran Anak Jamaluddin ke Melabau berpuncanya daripada peristiwa pembunuhan ayahandanya iaitu Pengiran Muda Besar Abdullah oleh seorang pengawal istana bernama Junggal bin Minu bin Tahat (berasal dari Bugis). Junggal dititahkan sendiri oleh

³ Berdekatan dengan Istana Edinburgh.




Batu nisan ini dijumpai di Tanah Perkuburan Malabau yang menyuratkan catatan: 'Al-Marhum Paduka Si Lazim ibnu Al-Marhum Paduka Si Nayan Paduka Al-Marhum Abdul Jamaludin Al-Sultan Ibnu.'

adinda PengiranMuda Besar Abdullah iaitu Sultan Abdul Jalilul Jabbar (Pengiran Muda Besar Sulong) untuk membunuh kekandanya itu. Memandang kepada PengiranMuda Besar Abdullah itu seorang yang gagah perkasa, Junggal berasa khuatir jugs hendak melakukan pembunuhan itu dengan senjata. Akhirnya pembunuhan itu dilakukannya dengan cars halus, iaitu dengan menggunakan racun yang dicampur dengan makanan Pengiran Muda Besar Abdullahsebagaimana yang dihasratkan oleh Sultan Abdul Jalilul Jabbar (Pengiran Muda Besar Sulong).⁴

Selepas peristiwa pembunuhan tersebut, Junggal merasa sangat bersalah, dan timbul penyesalan yang tidak putus-putus di hati beliau, ini adalah disebabkan Pengiran Muda Besar Abdullah itu tidak berdosa kepadanya, tambahan lagi Pengiran Muda Besar Abdullah itu adalah teman seperguruannya.

Akibat dari tidak dapat menahan perasaan bersalahnya, akhirnya Junggal mengambil keputusan untuk



Batu nisan ini dijumpai di Tanah Perkuburan Malabau yang menyuratkan catatan:
'Alamat misan Si Nayan bin Abdu Jamaludin.'

membunuh Sultan Abdul Jalilul Jabbar (Pengiran Muda Besar Sulong) secara sembunyi-sembunyi sama seperti yang dilakukannya kepada Pengiran Muda Besar Abdullah. Cuma bezanya kali ini dia menggunakan parang. Setelah selesai melakukan pembunuhan itu dia pun melarikan diri ke Labuan untuk bersembunyi dan terus menyimpan rahsia pembunuhan itu sebaik-baiknya, rahsia tersebut hanya diketahui oleh anak cucunya yang menetap di Labuan.

⁴ Pehin Jawatan Dalam Seri Maharaja Dato Seri Utama Dr. Haji Awang Mohd. Jamil Al-Sufri, *Sejarah Sultan-Sultan Brunei Menaiki Takhta*, Pusat Sejarah Brunei, Bandar Seri Begawan, 2002, h. 12.

Setelah terjadinya peristiwa pembunuhan itu, Pengiran Anak Jamaluddin telah melarikan diri ke Melabau kerana takut akan dibunuh juga. Semasa di Melabau dia telah membuang gelaran Pengiran Anak dan ditukar kepada Paduka Abdul Jamaluddin. Penggunaan Paduka di pangkal namanya terus digunakan oleh anak cucunya. Beliau telah melarikan diri bersama isteri dan empat orang anaknya bernama Nayan, Timah, Nasruddin dan Tuah (ada juga mengatakan anaknya seramai enam atau tujuh orang) Setelah terdengar khabar bahawa beliau juga akan dibunuh. Beliau telah melarikan diri ke Kampong Tungkadeh, Melabau tempat saudaranya Orang Kaya Besar Imas menetap. Melalui mereka ini lahirlah zuriat yang menduduki dan mewarisi kawasan Melabau. Perkara ini terbukti dengan adanya perkuburan keturunan mereka di Melabau. Kawasan Melabau yang seluas 150 ekar adalah kawasan tanah bergeran yang telah diukur keluasannya oleh Dato Paduka Awang Haji Ali bin Awang Besar dan Pehin Orang Kaya Udana Laila Dato Setia Inche Awang Abdullah. Apabila pendudukan Jepun berlaku di negara ini geran tanah tersebut telah terbakar dan pemilik terakhirnya adalah Paduka Abdul Wahab. Akhirnya kawasan ini telah diserah batik kepada Kerajaan.

Panglima Jais iaitu anak kepada Awang Nayan merupakan di antara cucu Paduka Abdul Jamaluddin yang terkenal dengan kegagahannya. Beliau dikatakan bercita-cita tinggi untuk mengembalikan takhta Kerajaan kepada keturunan mereka. Justeru itu beliau telah berusaha untuk mendapatkan sokongan daripada orang-orang darat bagi menentang raja yang memerintah pada masa itu yang dikiaskannya sebagai 'Raja Di Laut'. Beliau seterusnya menghalau kuasa-kuasa Inggeris dari bumf Brunei. Selain untuk mengukuhkan kedudukannya, beliau juga takut kedudukan mereka sebagai 'Orang Di Darat' semakin terancam dan berada di ambang kepupusan. Hubungan intim antara pihak Inggeris dengan Sultan yang memerintah pada masa itu telah menimbulkan rasa cemas di hati Panglima Jais kerana mereka amat peka terhadap siasah dan niat orang-orang Inggeris dan Eropah yang ingin menjajah Brunei ketika itu.

Polemik yang berlarutan di antara pihak Inggeris dengan 'Orang Di Darat' ini hampir tidak ada penyelesaiannya, walaupun pihak Inggeris sentiasa berusaha untuk menjernihkan keadaan dengan berbagai cars namun is tetap menemui jalan buntu. 'Orang Di Darat' tetap berdiri teguh dengan pendirian mereka untuk mengembalikan kuasa pemerintahan ke Langan keturunan mereka dan membuktikan bahawa mereka bukanlah masyarakat yang kolot, tamak dan suka bertindak liar. Hubungan yang dingin ini telah menyebabkan segala kesalahan 'Orang Di Darat' biarpun kecil dianggap

sebagai kesalahan yang besar dan perlu menerima hukuman yang berat. Pemerasan dan ketidakadilan ini benar-benar menghantui Panglima Jais dan dalam masa yang sama maruahnya sebagai 'orang Melabau' terasa tercabar dan terhina. Demi untuk melaksanakan cita-cita dan hasratnya itu, Panglima Jais telah meninggalkan Melabau untuk sementara waktu dan menjelajah ke seluruh Pulau Paaca (Borneo) untuk bertemu dengan orang-orang darat, iaitu orang Kedayan yang berada di sekitar Pulau Borneo khususnya mereka yang mengetahui bahawa Abdul Jamaludin Al-Sultan merupakan putera tertua kepada Pengiran Muda Besar Abdullah, pewaris raja dan ditabalkan sebagai pengganti raja.

Selain itu Panglima Jais juga mengambil kesempatan untuk berguru bagi mendalami ilmu dalam berbagai bidang, seperti ilmu persilatan, kebatinan dan agama sebagai bekalan bagi merealisasikan cita-citanya. Antara ilmu silat yang paling hebat yang pernah dipelajarinya ialah 'Silat Sipadih'. Syarat dan cubaan bagi ilmu silat tersebut sangat merbahaya dan bukan calang-calang orang yang boleh menghadapinya kerana yang menjadi taruhan adalah sama ada nyawanya sendiri atau nyawa gurunya kerana syarat utama untuk mendapatkan ilmu 'Silat Sipandih' ini ialah hanya seorang sahaja yang boleh menguasai ilmu tersebut. Diceritakan orang bahawa pertarungan tersebut sangat dahsyat sehingga menyebabkan gurunya tewas dan meninggal dunia di tangga durung padi setelah membisikkan kesempurnaan ilmu tersebut kepada Panglima Jais.

Setelah kembali dari perantauan, Panglima Jais telah beramal (bertarak) di bukit-bukit tinggi. Menurut cerita, hasil daripada pertarukan tersebut beliau telah mendapat besi kuning dan gigi jin yang dipatah-patah. Kedua-dua benda tersebut masih dipegang oleh pewarisnya sehingga sekarang. Setelah selesai beramal (bertarak), beliau pun diberi gelaran sebagai Panglima Jais. Semenjak hari itu beliau telah ditugaskan sebagai penguasa hal-ehwal orang-orang darat seperti hal-hal keagamaan, adat istiadat, menganugerahi gelaran dan undang-undang yang sedia termaktub yang diamalkan sejak dahulu lagi. Panglima Jais telah mendirikan sebuah balai utama tempat persidangan 'Orang Melabau' yang lain.

Sebelum Perang Dunia Kedua, Adat Istiadat Melabau masih lagi diamalkan seperti istiadat nikah kahwin atau makan tahun (makan taun). Dalam majlis tersebut orang-orang Melabau yang hadir disambut dengan tiga das tembakan meriam sebagai penghormatan atas kehadiran mereka. Mereka akan duduk di lantai setingkat lebih tinggi daripada orang kebanyakan

dan dihidangkan makanan yang disimpan di atas gangsa setiap seorang. pada tahun 1904, anak saudara kepada Panglima Jais yang dikenali sebagai Paduka Seri Wahab Bering berkunjung ke istana membawa anaknya untuk mempelajari adat istiadat yang diajarkan oleh Encik Awang dan Pengiran Pekerma Setia Pengiran Ali. Ini menunjukkan bahawa istiadat itu masih kekal dijalankan di kalangan orang Melabau sehingga kedatangan Jepun pada tahun 1941.


Pada zaman pemerintahan Sultan Hashim Jalilul Alam Aqamaddin (TM 1885 – 1906)⁵ dan Sultan Muhammad Jamalul Alam II (TM 1906 – 1924)⁶ hubungan orang-orang Melabau dengan Sultan dan kerabat Diraja adalah sangat akrab. Hubungan tersebut diperkuuhkan lagi apabila Paduka Seri Wahab dapat membunuh seorang lelaki Inggeris semasa dia menaiki perahu dan sebagai buktinya beliau menyerahkan tali pinggang dan kaca mats orang Inggeris itu kepada Sultan Hashim. Ekoran dari peristiwa itu Sultan Hashim telah mengiktiraf Paduka Seri Wahab sebagai 'Raja Di Darat'. Hubungan kekeluargaan ini masih terjalin rapat sehingga zaman pemerintahan Sultan Ahmad Tajuddin.

Menurut sejarah orang-orang Melabau, anak-anak Panglima Jais tidak ada yang terkenal seperti beliau kecuali cucunya iaitu Awang Haji Muhammad Salleh yang dilantik menjadi pengawal Melabau yang juga akhirnya menjadi pemimpin bagi orang-orang di darat. Awang Haji Muhammad Salleh juga pengasas bagi sebuah sekolah rendah di Kampong Sungai Hanching yang dibina pada tahun 1947 di kawasan tanah seluas 100 x 200 kaki persegi yang telah beliau wakafkan untuk tapak sekolah tersebut. Sekolah tersebut dinamakan sempena dengan nama beliau iaitu Sekolah Rendah Haji Muhammad Salleh, Sungai Hanching sebagai mengingati jasa dan pengorbanan beliau untuk memajukan orang-orang Melabau.

Menurut salah seorang penduduk tetap

⁵ Sultan Brunei yang ke-25

⁶ Sultan Brunei yang ke-26



Batu nisan ini dijumpai di Tanah Perkuburan Malabau yang menyuratkan catatan:

'Ini Hijrat Nabi Muhammad Sallallahu 'Alaihi wa Sallam
Sannat 1331. Inilah alamat nisan kubur ibnu Al-Marhum
Paduka Seri Abdul Wahab ibnu Al-Marhum Paduka Si
Lazim ibnu Al-Marhum Paduka Si Nayan Al-Marhum Al-Sultan
Orang Malabau.'

Kampong Melabau yang telah ditemu bual, Paduka Abdul Wahab dilahirkan pada tahun 1839. Beliau adalah anak kepada Paduka Lajim @ Hashim bin Paduka Nayan. Beliau mempunyai ilmu kebatinan yang tinggi yang membolehkan beliau mempunyai sahabat yang ramai dikalangan 'Orang Halus'.⁷ Panglima Jais dan anak menantunya Paduka Abdul Wahab pernah memerangi orang-orang Inggeris. Kubu pertahanan mereka ialah di kawasan Tungkadeh dan Bukit Saililah. Dalam peperangan ini Paduka Abdul Wahab telah dibantu oleh pengikutnya dan juga sahabatnya (Orang Halus) yang berdastar merah. Mereka ini diceritakan terlalu ramai sehingga memenuhi keseluruhan Bukit Saililah. Menurut cerita orang tua-tua, sahabat-sahabatnya ini hanya perlu dipanggil dengan siulan sahaja dan mereka boleh dipanggil sebanyak mans yang diperlukan, ibaratnya satu bukit satu siulan. Setelah melihat pengikut-pengikut Paduka Abdul Wahab yang begitu ramai, orang-orang Inggeris mengaku kalah dan melarikan diri ke laut Labuan.

Selepas Paduka Abdul Wahab meninggal dunia pada tahun 1910 segala harta dan tanda-tanda kebesaran mereka seperti cap mohor, gong, canang, gulintangan, pedang keris, mahkota dan bendera telah dikubur di suatu kawasan yang dikenali sebagai Pukak. Bedil dan meriam pula dikubur dalam luagan di Kampong Salimpat Melabau. Semenjak itu juga hubungan orang-orang Melabau dengan orang istana semakin renggang sehinggalah pada masa ini hubungan kekeluargaan itu sudah tiada lagi. Paduka Nayan pernah meramalkan bahawa keadaan itu akan berlaku dan beliau berkata jika waris-waris yang terkemudian tidak berusaha untuk menggali sejarah Melabau kemungkinan besar Hama Melabau akan hilang dari lipatan sejarah Negara Brunei Darussalam.

⁷ Orang Bunian disebut juga makhluk halus.